

21/01/2001

Industri kecil Jepun boleh ke Malaysia

Karim Sulaiman in Osaka

OSAKA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, banyak kegiatan industri kecil Jepun boleh dipindahkan ke Malaysia bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat tempatan dalam bidang itu.

Industri itu, kata Perdana Menteri mengeluarkan barangan atau komponen untuk industri lebih besar dan difikirkan sesuai dilaksanakan di Malaysia.

Di Jepun, industri itu memainkan fungsi penting bagi membekalkan komponen kepada pembuatan barangan, termasuk berteknologi tinggi seperti membuat pesawat dan roket.

"Industri kecil adalah industri sokongan dan bukan menghasilkan barangan terus kegunaan orang ramai. Mereka hanya mengeluarkan barangan tertentu seperti komponen bagi menghasilkan barangan lain.

"Kita boleh memindahkan kegiatan 20 hingga 30 industri kecil Jepun itu di Malaysia," katanya pada sidang akhbar pada hari terakhir lawatan empat hari di wilayah Kansai di sini, semalam.

Di Jepun, industri kecil itu beroperasi secara kecil termasuk di belakang rumah bagi menghasilkan barangan untuk kegunaan syarikat atau industri lain.

Industri itu yang dijalankan oleh orang perseorangan dengan tiga atau empat pekerja, turut menekankan kepada kemahiran dan kecekapan pekerja dalam kegiatannya.

Menjawab soalan mengenai pandangannya supaya Jepun tidak keterlaluan meniru Barat, termasuk dari segi politik dan pengurusan kewangan, Dr Mahathir berkata pandangan itu diterima baik oleh masyarakat perniagaan Jepun dan pandangan Kerajaan Jepun mungkin berbeza.

"Bagaimanapun, secara keseluruhannya mereka mahu mendengar (pandangan saya). "Sama ada mereka mahu menerimanya atau tidak, itu persoalan lain. Orang lain langsung tidak mahu mendengarnya," katanya.

Dr Mahathir turut berkata, cadangan supaya negara Asia bekerjasama, termasuk menghasilkan pesawat sendiri adalah baik, bagi mengelakkan pergantungan berterusan kepada Barat.

Menurutnya, cadangan kerjasama untuk mengeluarkan pesawat keluaran Asia perlu dinilai dan dipertimbangkan kerana lebih banyak perjalanan melalui udara akan dilakukan pada masa depan.

"Pada masa ini, pengeluaran pesawat dimonopoli oleh dua syarikat di Amerika Syarikat dan Eropah. Kita terpaksa bergantung kepada mereka.

"Syarikat di Asia perlu menghasilkan pesawat berteknologi sama atau lebih tinggi daripada mereka," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan penghargaan kepada kumpulan Akhbar Mainichi kerana diberi penghormatan melancarkan penerbitan dua bukunya iaitu Reflections Of Asia (dalam bahasa Inggeris) dan Message To Japan (bahasa Jepun).

Buku itu mengandungi himpunan rencana yang ditulis oleh Dr Mahathir mengenai pelbagai perkara termasuk ekonomi dan politik.

Menurutnya, melalui penerbitan buku itu, rakyat Jepun dapat mengetahui sendiri pandangan beliau dan Malaysia secara terus dan tidak bergantung kepada agensi media Barat.

(END)